

Asas Perbezaan Kadar *Diyat* antara Lelaki dan Wanita Menurut Undang-undang Islam

Prof Madya Datin Dr. Paizah Hj Ismail

Abstract

Diyat or compensation is elaborated by the fuqaha as the amount compensated by the party committing the offence of killing or harming to the victim or his family whether the offence is committed with intention or by accident. Based on various authoritative sources, an attempt is made to establish the actual amount to be paid to the victim, male or female.

Pendahuluan

Diyat atau ganti rugi dihuraikan oleh para fuqaha' sebagai suatu jumlah kadar tertentu harta yang dibayar oleh pihak yang menyebabkan berlakunya kematian atau kecederaan sama ada secara sengaja atau tidak sengaja kepada pihak yang menjadi mangsa pembunuhan dan kecederaan tersebut.¹ Persoalan yang ingin dikemukakan di sini ialah apakah jumlah berkenaan sama di antara mangsa lelaki dengan mangsa perempuan atau sebaliknya dan apakah asas-asas kepada pembayaran tersebut?

Tanggungjawab Membayar *Diyat*

Seperti yang dihuraikan di atas, *diyat* ialah suatu hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang Islam atas kesalahan membunuh dan mencederakan di samping hukuman *qisas*. Sifat hukuman *diyat* dalam kesalahan-kesalahan berkenaan ialah sebagai hukuman alternatif kepada hukuman *qisas* apabila ia tidak dapat dilaksanakan dengan sebab-sebab tertentu, seperti apabila jenayah berkenaan berlaku dengan seumpama sengaja (*syibh al-'amd*) atau secara tidak sengaja (*khata'*) atau apabila hukuman *qisas* tidak dapat dilaksanakan dengan sebab-sebab fizikal, seperti tidak ada persamaan antara anggota badan yang terlibat dengan anggota yang sama pada pesalah berkenaan, atau semata-mata pihak mangsa bersetuju tidak mahu melaksanakan *qisas*, tetapi sebaliknya memilih untuk mengambil *diyat* dan beberapa sebab lagi.²

Sumber hukum bagi kewajipan membayar diyat ini ialah al-Quran dan al-Sunnah. Dalam al-Quran Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud:

“Dan tidak layak bagi seorang mukmin membunuh seorang mukmin (yang lain) kecuali kerana tersilap (tidak sengaja), dan barang siapa mebunuh seorang mukmin dengan secara tersilap, hendaklah ia memerdekakan seorang hamba yang beriman serta membayar diyat yang diserahkan kepada keluarga (si terbunuh) itu, kecuali jika mereka bersedekah.”

(al-Nisa'4:92)

Dalam al-Sunnah diriwayatkan bahawa Nabi s.'a.w. telah menulis kepada 'Amr Ibn Hazm tentang penduduk Yaman. Dalam surat tersebut dijelaskan perkara-perkara wajib, perkara-perkara sunat dan *diyat*. Sabda Nabi s.'a.w. mengenai *diyat*: sesungguhnya pada satu nyawa (jiwa) seratus ekor unta,³

Sabda Nabi s.'a.w. yang bermaksud:

“Sesungguhnya pada mereka yang dibunuh secara separuh sengaja, iaitu yang dibunuh dengan kayu atau tongkat atau batu seratus ekor unta.”

(Hadith riwayat Ahmad dan Abu Daud)⁴

Walaupun pada lahirnya *diyat* ini dilihat seolah-olah ganti rugi kerana ia melibatkan pembayaran kepada pihak yang menjadi mangsa jenayah, namun sesetengah para fuqaha' masih melihatnya sebagai hukuman.⁵ Menegaskan kedudukan ini 'Abd al-Qadir 'Awdah berkata:

“Adalah menjadi kesilapan menganggap diyat sebagai ganti rugi berasaskan kepada kesamaannya dengan ganti rugi. Ini kerana diyat adalah sebenarnya hukuman atas jenayah yang kewajipan membayarnya tidak tertakluk kepada permintaan individu.”⁶

Walau bagaimanapun beliau nampaknya keberatan untuk menamakan *diyat* sebagai hukuman secara mutlak. Sebaliknya beliau lebih suka menamakannya sebagai hukuman dan ganti rugi secara bersama atau boleh juga dinamakan sebagai hukuman dalam bentuk membayar *diyat*.⁷

Pendapat 'Awdah ini sama dengan pendapat Abu Zahrah. Malah Abu Zahrah lebih tegas lagi dalam mensifatkan *diyat* sebagai hukuman. Kata beliau:

“Para fuqaha' membahagikan qisas kepada dua bahagian. Qisas dalam bentuk dan pengertian dan qisas dalam pengertian sahaja. Qisas dalam bentuk dan pengertian ialah mengenakan kesiksaan fizikal yang sama dengan apa yang telah dilakukan oleh penjenayah berkenaan. Sedangkan qisas dalam pengertian sahaja ialah mengenakan diyat terhadap perbuatan jenayah berkenaan.”⁸

Walau apapun jua huraian yang diberikan oleh para fuqaha' mengenai *diyat* ini, sama ada ia sebagai hukuman atau sebagai ganti rugi atau sebagai hukuman dan ganti

rugi secara bersama, bukan menjadi tujuan utama tulisan ini. Persoalan utama yang ingin dikemukakan di sini ialah apakah kadar pembayaran *diyat* sama sahaja di antara lelaki dan wanita, dan kalau sebaliknya apakah ia suatu yang wajar, serta bagaimanakah penghuraian para fuqaha' mengenainya dibuat?

Secara umumnya para fuqaha' bersetuju bahawa hukuman *diyat* wajib dalam kes-kes pembunuhan dan kecederaan, sama ada sebagai hukuman utama ('*uqubah asliyyah*) iaitu apabila jenayah itu dilakukan dengan tidak sengaja (*khata'*) atau secara seumpama sengaja (*syibh al-'and*) atau sebagai hukuman alternatif ('*uqubah badaliyyah*) iaitu apabila hukuman *qisas* tidak dapat dilaksanakan dengan sebab-sebab tertentu, seperti tidak ada persamaan pada anggota teribat dengan anggota yang sama pada pesalah berkenaan, atau apabila pihak mangsa bersetuju tidak mahu melaksanakan *qisas* tetapi sebaliknya meminta *diyat*.⁹ Kata Ibn Qudamah: kewajipan membayar *diyat* ini secara umumnya telah dipersetujui oleh para ulama secara ijmak.¹⁰

Perbezaan antara *diyat* yang diwajibkan dalam kesalahan-kesalahan yang disengajaka dengan *diyat* yang diwajibkan dalam kesalahan yang tidak disengajakan bukan pada kadar atau jenisnya, tetapi pada cara dan bentuk pembayaran yang dilakukan.¹¹ Dalam kesalahan-kesalahan sengaja, *diyat* ditanggung oleh penjenayah sendiri, sementara dalam kesalahan-kesalahan tidak sengaja ia ditanggung oleh ahli keluarga secara bersama.¹²

Dalam kewajipan membayar *diyat* ini, wanita tidak terkecuali dari hukum tersebut. Kedudukannya sama dengan lelaki. Ini berasaskan prinsip persamaan mereka sebagai subjek jenayah atau dalam memikul beban dan tanggungjawab jenayah.

Walaupun para fuqaha' pada keseluruhannya bersetuju bahawa hukuman *diyat* wajib atas lelaki dan wanita dalam kes-kes pembunuhan dan kecederaan sama ada sebagai hukuman utama atau hukuman alternatif, namun dalam beberapa persoalan tertentu mengenainya terdapat perselisihan pendapat di kalangan mereka. Antaranya ialah mengenai kadar *diyat* mereka berdua, apakah sama atau berbeza?

Huraian Fuqaha'

Mengenai persoalan di atas, berlaku perselisihan pendapat di kalangan fuqaha' dalam kedua-dua kesalahan membunuh dan mencederakan. Dalam kesalahan membunuh kadar bayaran *diyat* yang diperuntukkan ialah seratus ekor unta.¹³ Peruntukan ini pada pandangan sebahagian para fuqaha'¹⁴ diwajibkan kalau sekiranya mangsa pembunuhan berkenaan seorang lelaki. Sekiranya mangsa tersebut seorang perempuan maka kadar *diyat*nya ialah separuh dari kadar lelaki, iaitu lima puluh ekor unta. Kewajipan ini meliputi sama ada pembunuhnya seorang lelaki atau perempuan.

Kata al-Imam al-Syafi'i, tidak ada percanggahan pendapat di kalangan para ulama' dulu dan sekarang mengenai *diyat* perempuan itu separuh dari *diyat* lelaki. Jika seorang wanita dibunuh dan keluarganya memilih *diyat* maka *diyat*nya ialah lima puluh ekor unta, sama ada pembunuhnya seorang lelaki atau seorang perempuan atau sekumpulan orang. Begitu juga *diyat* kerana mencederakan seorang perempuan sama seperti mencedera seorang lelaki.¹⁵

Dalam masalah ini Ibn Qudamah telah menyebut Ibn al-Mundhir dan Ibn 'Abd al-Barr berpendapat bahawa para ulama telah bersetuju secara ijmak bahawa *diyat* perempuan adalah separuh dari *diyat* lelaki.¹⁶ Ini berdasarkan kepada apa yang dijelaskan

oleh Nabi s. 'a.w. dalam suratnya kepada 'Amr Ibn Hazm, iaitu gabenor Yaman bahawa *diyāt* perempuan separuh dari *diyāt* lelaki. Menegaskan hukum ini, Abu al-Ma'ati berkata bahawa ia telah dipersetujui oleh para sahabat secara ijmak.¹⁷ Al-Qurtubi juga menyokong hukum ini sabit secara ijmak.¹⁸

Di samping hadis di atas jumhur fuqaha' juga memberi alasan lain, iaitu berasaskan kepada analogi atau *qias* atas masalah harta pusaka dan masalah kesaksian. Menurut mereka, kedudukan wanita dalam masalah-masalah tersebut sama dengan separuh lelaki. Maka begitu jugalah, kata mereka, kedudukan mereka dalam masalah *diyāt* ini.¹⁹

Walau bagaimanapun 'Iliyyah dan Abu Bakr al-'Asam berpendapat, kadarnya sama di antara lelaki dan wanita, berdasarkan kepada hadis Nabi s. 'a.w. yang menyebut bahawa pada satu nyawa seorang mukmin itu seratus ekor unta.²⁰ Mengikuti mereka, hadis ini tidak membezakan antara lelaki dan wanita.²¹

Walau bagaimanapun pendapat ini telah dianggap terlalu asing dan bertentangan dengan ijmak para sahabat serta menyalahi dengan apa yang disebut oleh Nabi s. 'a.w. dalam surat yang sama kepada 'Amr Ibn Hazm sebagaimana yang disebut di atas. Mengikuti Ibn Qudamah, walaupun kedua-dua hadis ini ditulis oleh Nabi s. 'a.w. dalam surat yang sama yang ditujukan kepada 'Amr Ibn Hazm, namun salah satu dari hadis berkenaan lebih khusus dari yang satu lagi. Maka kami menganggap hadis khusus ini sebagai penjelas kepada hadis umum yang dijadikan alasan oleh pendapat kedua tadi.²²

Walaupun pandangan Ibn 'Iliyyah dan al-'Asam ini dianggap oleh jumhur fuqaha' sebagai lemah dan bertentangan dengan ijmak para sahabat, namun bagi al-Syaikh Muhammad Abu Zahrah ia lebih boleh diterima. Menurut beliau, sebenarnya ijmak yang disebut oleh Ibn Qudamah, begitu juga oleh al-Kasani mengenai hukum ini adalah ijmak secara diam (*ijma' sukuti*). Sedangkan ijmak dalam bentuk ini tidak semua para ulama menerimanya sebagai sumber hukum. Untuk menegaskan sokongan beliau kepada pendapat ini Abu Zahrah berkata:

*"Dalam masalah ini kami merasa pendapat pertama lebih melihat kepada aspek harta dari aspek kemanusiaan dan aspek pencegahan yang terkandung dalam objektif kesiksaan itu sendiri. Sedangkan hukuman berasaskan kepada kadar kejahatan yang tersemat dalam diri pelakunya. Ia juga lebih merupakan sebagai suatu balasan terhadap pencerobohan atas nilai kemanusiaan. Hakikat ini sama sahaja di antara semua. Oleh kerana diyāt itu sendiri sebagai hukuman ke atas penjenayah dan sebagai ganti rugi kepada keluarga mangsa atau mangsa itu sendiri maka seharusnya kadarnya disamakan di antara lelaki dengan wanita, kerana ia sebagai suatu hukuman atas jenayah yang melibatkan diri, sama ada yang menjadi mangsa jenayah berkenaan seorang lelaki atau seorang wanita."*²³

Muhammad Abu Zahrah membuat kesimpulan:

*"Oleh yang demikian kami lebih suka mentarjih pendapat Abu Bakr al-'Asam. Tambahan pula kebanyakan nas-nas yang berkaitan dengan masalah ini ialah hadis-hadis **Ahad**²⁴ yang boleh dikompromikan di antara satu sama lain. Dalam keadaan ini kita tidak boleh mentarjih satu nas dari satu nas yang lain. Ini kerana ayat yang menjelaskan hukum diyāt, iaitu untuk kesalahan membunuh dengan*

*tidak sengaja adalah dalam bentuk umum. Begitu juga Nabi s. 'a.w. menjelaskan secara umum iaitu dengan sabdanya: seratus ekor unta.*²⁵

Begitu juga mengenai kadar bayaran *diyat* dalam kes-kes kecederaan. Secara umumnya tidak terdapat banyak perbezaan hukum mengenai *diyat* pembunuhan dan *diyat* kecederaan. Segala prinsip asas mengenai kedua-dua *diyat* ini adalah sama, sama ada yang berkaitan dengan orang yang bertanggungjawab membayarnya, bentuknya, jenisnya dan kadarnya. Dalam semua masalah ini ada pandangan tersendiri diberikan oleh para fuqaha'.²⁶

Oleh kerana jenayah terhadap tubuh badan ini boleh mengakibatkan berbagai-bagai kesan kecederaan maka perbincangan para fuqaha' mengenai kadar *diyat* yang wajib kerananya dibuat secara terperinci berasaskan kesan-kesan kecederaan. Secara umumnya kesan-kesan berkenaan dibahagikan oleh para fuqaha' kepada lima:

1. Terpotong mana-mana bahagian yang disifatkan sebagai anggota.
2. Hilang kegunaan mana-mana anggota.
3. Luka di bahagian muka dan kepala.
4. Luka di bahagian tubuh selain dari muka dan kepala.
5. Apa-apa kesan yang tidak termasuk dalam salah satu dari empat jenis di atas.²⁷

Schubungan dengan ini terdapat hukum khusus mengenai kadar *diyat* dalam jenayah terhadap tubuh badan ini. Bagi menghuraikan hukum-hukum tersebut beberapa kaedah umum dibuat oleh para fuqaha', antaranya:²⁸

(a) **Anggota tunggal dan anggota berpasang**

Bagi anggota tunggal seperti lidah, hidung dan sebagainya *diyatnya* ialah *diyat* penuh, iaitu seratus ekor unta. Sementara bagi anggota yang berpasang pula, seperti tangan, kaki, mata dan lain-lain, *diyatnya* ialah *diyat* penuh iaitu seratus ekor unta jika kesemua anggota tersebut cedera, tetapi jika sebelahnya sahaja yang cedera maka yang wajib dibayar hanyalah separuh *diyat* sahaja. Ertinya nisbah *diyat* bagi anggota yang berpasang atau berbilang akan ditentukan mengikut nisbah anggota itu sendiri dalam bilangan keseluruhan anggota yang sama.

(b) Mana-mana anggota yang tidak dinaskan secara khusus kadar *diyatnya*, sama ada oleh al-Quran atau al-Sunnah, perlu diqiyaskan dengan anggota lain yang seumpamanya. Sebagai contoh, buah dada, tidak ada nas khusus menjelaskan kadar *diyatnya*. Mengikut keadah ini, ia boleh diqiyaskan dengan tangan, iaitu separuh *diyat* bagi setiap satu. Akan tetapi, jika anggota yang cedera itu tidak boleh diqiyaskan dengan mana-mana anggota lain kerana tidak ada keserupaannya, penentuan *diyatnya* mestilah dibuat oleh pihak yang bertanggungjawab, misalnya mahkamah.

Bukanlah menjadi tujuan utama tulisan ini untuk menerangkan kadar *diyat* secara terperinci bagi setiap anggota tubuh badan, sebaliknya masalah kadar *diyat* ini dihuraikan sekadar untuk menjadi asas bagi melihat kedudukan wanita dalam masalah ini, sejauhmana

ia terikat dengan perincian hukum-hukum tersebut atau sebaliknya. Oleh kerana kedudukan *diyāt* dalam kesalahan mencedera anggota tubuh badan ini berbeza mengikut perbezaan kesan kecederaan yang berlaku maka perbezaan kadar *diyāt* untuk wanita lebih ketara lagi. Secara umumnya perbezaan pendapat ini boleh dibahagikan kepada dua pendapat:

Pendapat pertama: al-Imam Abu Hanifah dan al-Imam al-Syafi'i berpendapat *diyāt* untuk mangsa perempuan tetap separuh dari *diyāt* lelaki dalam semua kes kecederaan. Kedudukannya sama dengan kes pembunuhan.²⁹ Pandangan ini berasaskan pengertian umum hadis Nabi s. 'a.w. yang diriwayatkan oleh Mu'adh Ibn Jabal dari Nabi s. 'a.w. bahawa *diyāt* seorang perempuan adalah separuh dari *diyāt* lelaki.³⁰ Menurut Ibn al-Humam, hadis ini mengikut satu riwayat adalah hadis *mawqūf* dan mengikut satu riwayat yang lain ia adalah hadis *marfu'*.³¹ Mengulas hadis ini, Ibn al-Humam berkata, walaupun mengikut satu riwayat hadis ini adalah hadis *mawqūf*, kerana ia disandarkan kepada 'Ali r. 'a., namun tarafnya sama dengan hadis *marfu'*. Kerana walaupun ia disandarkan kepada sahabat, adalah kurang munasabah mereka menggunakan fikiran sendiri dalam masalah ini.³²

Alasan lain yang menjadi asas pendapat ini ialah, oleh kerana dalam kes-kes pembunuhan, *diyāt* perempuan separuh dari *diyāt* lelaki maka dalam kes-kes kecederaan juga perlu begitu, iaitu separuh. Ini kerana apabila seorang lelaki itu dianggap lebih tinggi nilai dirinya dari seorang perempuan maka nilai anggotanya juga perlu dianggap lebih tinggi.³³

Pendapat kedua: iaitu pendapat al-Imam Ahmad Ibn Hanbal dan al-Imam Malik. Mengikut pendapat ini dalam kes-kes kecederaan *diyāt* perempuan sama dengan *diyāt* lelaki dengan syarat kadar *diyāt* tersebut tidak sampai satu pertiga dari jumlah *diyāt* penuh, iaitu seratus ekor unta. Sebaliknya jika kadar *diyāt* tersebut melebihi satu pertiga dari kadar *diyāt* penuh maka kadar *diyāt* perempuan akan menjadi separuh dari *diyāt* lelaki.³⁴ Sebagai contoh: *diyāt* penuh bagi kecederaan sepuluh jari ialah seratus ekor unta. Sekiranya A telah mencederaikan tiga batang jari B maka *diyāt* yang wajib dibayar ialah tiga puluh ekor unta. Kadar ini sama, sama ada B tersebut seorang lelaki atau seorang wanita. Ini kerana kadar ini belum sampai satu pertiga dari *diyāt* penuh. Sebaliknya, jika A mencederaikan empat batang jari B maka *diyāt* yang wajib dibayar ialah sebanyak empat puluh ekor unta jika B itu seorang lelaki dan dua puluh ekor unta jika dia seorang perempuan.

Antara alasan yang diberikan oleh para fuqaha' mazhab ini ialah hadis yang diriwayatkan oleh al-Nasa'i bahawa Nabi s. 'a.w. bersabda: *diyāt* perempuan sama dengan *diyāt* lelaki kecuali *diyāt*nya sudah lebih satu pertiga dari *diyāt* penuh.³⁵

Antara alasan lain lagi ialah hadis yang diriwayatkan oleh al-Rabi'ah Ibn 'Abd al-Rahman, katanya: Aku bertanya kepada Sa'id Ibn al-Musayyib: berapakah kadar *diyāt* pada sebarang jari seorang perempuan? Jawab Sa'id: sepuluh ekor unta. Aku bertanya lagi pada dua batang jari? Jawab Sa'id: dua puluh ekor unta. Aku bertanya lagi: pada tiga batang jari? Jawab Sa'id: tiga puluh ekor unta. Aku bertanya lagi: pada empat batang jari? Jawab Sa'id: Dua puluh ekor unta. Kataku: Apabila kecederaannya lebih besar dan lebih teruk maka kurang pula *diyāt*nya. Tanya Sa'id: Apakah tuan ini dari Iraq? Jawabku: Bahkan, seorang yang ingin mendapat kepastian atau mungkin juga seorang yang ingin tahu. Kata Sa'id: Begitulah sunnah wahai saudaraku. Hadis riwayat al-Imam Malik.³⁶

Menurut Ibn Qudamah, hukum mengenai kadar *diyat* perempuan seperti yang dijelaskan di atas adalah satu keputusan yang dipersetujui secara ijmak oleh para sahabat kecuali al-Imam 'Ali sahaja. Tetapi tidak dapat dipastikan sama ada al-Imam 'Ali berkecuali dalam masalah ini.³⁷

Walau bagaimanapun hadis Sa'id Ibn al-Musayyib ini telah disifatkan oleh para fuqaha' golongan pertama sebagai hadis **Nadir**,³⁸ yang tidak boleh menjadi dalil kepada hukum-hukum yang dipertikaikan secara meluas oleh para fuqaha'. Mereka juga menghuraikan kata-kata Sa'id Ibn al-Musayyib 'begitulah sunnah wahai saudaraku' sebagai sunnah Zayd dan bukannya sunnah Rasulullah s.'a.w.. Ini berasaskan kepada adanya fatwa yang berbeza dari apa yang disebut oleh Sa'id Ibn al-Musayyib tadi. Sekiranya ia sunnah Rasulullah s.'a.w. masakan mereka membuat fatwa yang bertentangan dengannya.³⁹

Mengulas pandangan al-Imam Malik dan al-Imam Ahmad mengenai *diyat* kecederaan ini, Abu al-Ma'ati berkata, sebenarnya kedua-dua fuqaha' ini telah terkeluar dari prinsip mengenai *diyat* yang mereka pegang dalam kesalahan membunuh, iaitu *diyat* perempuan adalah separuh dari *diyat* lelaki secara mutlak. Ini kerana dalam kesalahan mencederakan prinsip ini tidak diikuti secara mutlak. Mengikut pandangan mereka, *diyat* perempuan sama dengan *diyat* lelaki, selagi kadarnya tidak sampai satu pertiga dari *diyat* keseluruhannya. Sebaliknya pula *diyat* mereka akan menjadi separuh dari *diyat* lelaki apabila telah melebihi kadar tersebut.⁴⁰

Suatu kesimpulan yang boleh dibuat sejauh perbincangan mengenai kadar *diyat* wanita sama ada dalam kesalahan membunuh atau mencederakan ialah adanya perbezaan pendapat di kalangan para fuqaha' mengenainya. Dalam kesalahan membunuh perbezaan pendapat ini lebih mudah difaham kerana ia hanya berkisar pada persoalan secara mudah sama ada kadar sama atau tidak dengan kadar lelaki. Namun dalam kes-kes kecederaan, perbincangan lebih rumit sedikit kerana adanya syarat-syarat lain yang mempengaruhi keputusan perbincangan berkenaan.

Mengenai pembayaran *diyat*, secara umumnya wanita tidak terkecuali dalam memikul beban hukum ini. Namun yang menjadi perbincangan di kalangan para fuqaha' ialah sejauhmana kadar bayaran yang diwajibkan ke atas mereka sama atau tidak. Mengikut jumhur fuqaha' kadarnya berbeza mengikut perbezaan mangsa jenayah berkenaan. Jika mangsa pembunuhan tersebut seorang lelaki, kadarnya ialah *diyat* penuh. Sebaliknya jika mangsanya seorang perempuan kadarnya ialah separuh dari kadar *diyat* lelaki. Walau bagaimanapun ada juga pandangan yang mengatakan kadarnya sama di antara lelaki dan perempuan kerana dalam kes-kes pembunuhan, *diyat* lebih bersifat sebagai ganti rugi nyawa yang hilang, iaitu suatu nilai yang sama di antara lelaki dan perempuan. Bagi mereka ini kesalahan membunuh berbeza sedikit dengan kesalahan mencederakan, kerana dalam kes-kes kecederaan, *diyat* lebih merupakan ganti rugi bagi anggota tubuh badan yang hilang atau cedera di mana nilainya mungkin berbeza di antara seorang dengan seorang yang lain.

Nota Hujung

- 1 Lihat 'Abd al-Qadir 'Awdah, *al-Tasyri' al-Jina'i*, cet. 5, 1968, jld. 1, h. 668.
- 2 Lihat: Abu Zahrah, *al-Jarimah wa al-'Uqubah fi al-Fiqh al-Islami*, Dar al-Fikr al-'Arabi (t.t.), jld. 2, h. 367.
- 3 Al-Syawkani, *Nayl al-Awtar*, Beirut: Dar al-Jayl, 1973, jld. 6, h. 212.
- 4 *Ibid*, h. 167.
- 5 Lihat 'Awdah, *al-Tasyri' al-Jina'i*, cet. 5, 1968, jld. 1, h. 668; Abu Zahrah, *op.cit.* h. 103.
- 6 'Awdah, *Ibid*.
- 7 *Ibid*.
- 8 Abu Zahrah, *op.cit.* jld. 1, h. 103.
- 9 Lihat huraian mengenai masalah ini dalam: Abu Zahrah, *Ibid*, hh. 636-637; Abu al-Ma'ati Hafiz Abu al-Futuh, *al-Nizam al-'Iqabi al-Islami*, Kaheerah: Dar al-Ma'rifah (t.t.) hh. 225-226.
- 10 Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Kaheerah: Maktabah al-Qaheerah, 1970, jld. 8, h. 367.
- 11 Lihat huraian-huraian mengenainya dalam Ibn Qudamah, *Ibid*, jld. 8, hh. 372-379; al-Syarbini al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj*, Cairo: Matba'ah al-Babi al-Halabi, 1985, jld. 4, hh. 53-55.
- 12 'Awdah, *op.cit.* jld. 2, hh. 178 dan 201.
- 13 Abu Daud, *Sunan*, Muassasat al-Kutub al-Thaqafiyah, ed. 1, 1088, jld. 2, h. 529.
- 14 Lihat Ibn Qudamah, *op.cit.* jld. 8, h. 367; al-Syarbini al-Khatib, *op.cit.* jld. 4, h. 5; Ibn Rusyd, *Bidayat al-Mujtahid*, Cairo: Maktabat al-Kulliyah al-Azhariyyah, 1966, jld. 2, h. 445; Ibn al-Humam, *Takmilat Fath al-Qadir*, Cairo: Matba'at al-Babi al-Halabi 1970, jld. 10, h. 227.
- 15 Al-Syafi'i, *al-Umm*, Beirut: Dar al-Fikr, cet. 2, 1983, jld. 6, h. 114.
- 16 Ibn Qudamah, *op.cit.* jld. 8, h. 402.
- 17 Abu al-Ma'ati, *op.cit.* h. 428.
- 18 Al-Qurtubi, *al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Fikr, 1987, jld. 5, h. 325.
- 19 'Awdah, *op.cit.* jld. 2, h. 182.
- 20 Abu Daud, *op.cit.* jld. 3, h. 529.
- 21 Ibn Qudamah, *op.cit.* jld. 8, h. 402; Abu Zahrah, *op.cit.* jld. 2, h. 645; Abu al-Ma'ati, *op.cit.* h. 428.

- 22 Ibn Qudamah, *Ibid.*
- 23 Muhammad Abu Zahrah, *op.cit.* h. 646.
- 24 Hadis *Ahad* ialah hadis yang diriwayatkan oleh sebilangan para perawi yang tidak mencapai tahap mutawatir atau masyhur. Lihat Muhammad 'Ijjaj al-Khatib, *Usul al-Hadith*, Beirut: Dar al-Fikr.
- 25 Abu Zahrah, *op.cit.* h. 646.
- 26 Abu al-Ma'ati, *op.cit.* h. 437.
- 27 'Awdah, *op.cit.* jld. 2, h. 205.
- 28 Lihat huraian lanjut mengenai kaedah asas di atas dalam Abu Zahrah, *op.cit.* hh. 667-672; Abu al-Ma'ati, *op.cit.* hh. 440-444.
- 29 Ibn al-Humam, *op.cit.* jld. 10, h. 227; Ibn 'Abidin, *Hasyiah Rad al-Muhtar*, Kaherah: Matba'ah al-Halabi, ed. 2, 1966, jld. 6, h. 54; al-Sarbini al-Khatib, *op.cit.* jld. 4, h. 57.
- 30 al-Syawkani, *op.cit.* jld. 6, h. 22.
- 31 Hadis *Mawquf* ialah hadis yang disandarkan kepada sahabat Rasulullah s.'a.w. sama ada dalam bentuk perbuatan atau perkataan atau pengakuan. Manakala hadis *Marfu'* pula ialah hadis yang disandarkan kepada Rasulullah s.'a.w. secara khusus, sama ada dalam bentuk perbuatan atau perkataan atau pengakuan. Lihat: Muhammad 'Ijjaj al-Khatib, *op.cit.* hh. 335-337.
- 32 Ibn al-Humam, *op.cit.* jld. 10, h. 227.
- 33 *Ibid.*
- 34 Ibn Qudamah, *op.cit.* jld. 8, h. 402; Ibn Rusyd, *Bidayat al-Mujtahid*, Kaherah: Maktabat al-Kulliyat al-Azhariyyah, 1966, jld. 2, h. 463.
- 35 Al-Sayuti, *Sunan al-Nasa'i*, Beirut: Dar al-Ma'rifah, ed. 2, 1992, jld. 8, h. 414.
- 36 Jalal al-Din, 'Abd al-Rahman al-Sayuti, *Tanwir al-Hawalik Syarh 'Ala Muwatta' Malik*, Beirut: al-Maktabat al-Thaqafiyat, 1984, jld. 3, h. 65.
- 37 Ibn Qudamah, *op.cit.* jld. 8, h. 402-403.
- 38 Hadis Nadir ialah hadis yang bertentangan dengan riwayat lain oleh perawi yang lebih unggul darinya. Lihat Muhammad 'Ijjaj al-Khatib, *op.cit.* h. 437.
- 39 Lihat Ibn al-Humam, *op.cit.* jld. 10, h. 227-228.
- 40 Abu al-Ma'ati, *op.cit.* h. 437.